

**Raja Muda Perlis Mahu Komoditi Harumanis Diperkasakan
Bernama
18 April, 2013**

KANGAR, 18 April (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu komoditi harumanis, sejenis mempelam yang menjadi ikon bagi negeri Perlis. diperkasakan kualitasnya manakala pengeluarannya ditingkatkan sehingga menjadi sebutan di seluruh rantau ini.

Sehubungan itu, baginda berharap rakyat Perlis lebih realistik serta berani mengatakan bahawa harumanis ini bukan sekadar produk 'kampung' tetapi mampu menjadi produk terkemuka seperti tanaman utama yang lain di dunia.

Bertitah melancarkan program Minggu Harumanis 2013 dan jualan pulut harumanis anjuran Jabatan Pertanian Negeri Perlis di Kompleks Harumanis Bukit Bintang, Sungai Batu Pahat dekat sini Khamis, baginda berharap pelbagai perancangan dibuat bagi tempoh 10, 15 atau 20 tahun akan datang bagi komoditi itu.

Baginda yakin dengan matlamat yang jelas serta pemikiran yang lebih inovatif dan kreatif serta melaksanakan langkah drastik dan efisien maka tidak mustahil produk pertanian kebanggaan Perlis ini akan lebih menyerlah dan menguntungkan.

Titah baginda Jabatan Pertanian dan institusi pengajian tinggi tempatan termasuk Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) boleh bekerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran harumanis.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perlis Zulkepli Amin Mat Jusoh dalam sidang media selepas majlis itu berkata pihaknya akan mengeksport lima tan metrik harumanis ke Jepun tahun ini sebagai memenuhi permintaan negara itu.

Selain Jepun, turut menunjuk minat terhadap komoditi itu ialah Singapura selepas promosinya dilakukan tahun lalu dan dijangka sebanyak 10 tan metrik akan dieksport ke negara itu.

Katanya pengeluaran harumanis musim ini berhadapan dengan cabaran cuaca di samping ancaman 'kumbang pengorek pangkal' yang bertelur di bahagian pangkal pokok sehingga menjejaskan pengeluaran buah.

Zulkepli Amin berkata harga pasaran harumanis keluaran jabatan itu bagi musim ini ialah RM15 sekilogram bagi gred A, RM14 bagi gred B dan RM12 bagi gred C.

Sebuah bilik gerakan harumanis juga ditubuhkan untuk menerima tempahan dan pihak yang berminat boleh menghubungi talian 04-938 2860.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Dr Md Isa Sabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943096>

